



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
**DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA**

Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 12, Blok E7, Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545  
Faks :603-88895542  
E-mail :ismailmerican@moh.gov.my

**KENYATAAN AKHBAR**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

***PERANG HABIS-HABISAN MEMERANGI DENGGI DAN CHIKUNGUNYA***

Kementerian Kesihatan memberi perhatian serius kepada trend peningkatan kes denggi dan chikungunya di seluruh negara yang berlaku sejak sebulan yang lepas. Pengarah-Pengarah Kesihatan Negeri telah diarahkan untuk melibatkan diri secara aktif dalam menyelaraskan aktiviti pelaksanaan dengan pelbagai pihak termasuk kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan, swasta dan juga anggota masyarakat, bagi memastikan aktiviti pencegahan dan kawalan yang berkesan dilaksanakan. Pencegahan dan kawalan denggi serta chikungunya memerlukan perhatian semua pihak.

Sehingga 17 Januari 2009, sejumlah 3,211 dengan 8 kematian denggi telah dilaporkan di seluruh negara berbanding dengan 1,514 kes dan 4 kematian bagi tempoh yang sama pada tahun 2008, peningkatan sebanyak 212%. Walaupun terdapat penurunan kes sebanyak 3.4% bagi minggu kedua tahun 2009, jumlah kes yang dilaporkan masih tinggi. Majoriti kes atau 63% berlaku di kawasan Lembah Klang (Selangor dan WP Kuala Lumpur), lain-lain negeri yang menunjukkan peningkatan kes adalah Pulau Pinang, Johor, Sarawak dan Kedah. Bagi kes Chikungunya, sebanyak 364 kes dilaporkan sehingga 17 Januari 2009 dengan majoriti kes adalah daripada Selangor, Kelantan, Perak, Johor, Kedah, Pahang dan Pulau Pinang.

Maklumat daripada kes yang dilaporkan mendapati bahawa 80% daripada tempat-tempat yang melaporkan kes demam denggi mempunyai kadar pembiakan aedes yang tinggi. Seperti yang diketahui demam denggi hanya berjangkit melalui gigitan nyamuk aedes. Langkah pencegahan yang berkesan dalam mengawal jangkitan denggi adalah menghapuskan tempat-tempat pembiakan nyamuk aedes pembawa demam denggi. Aktiviti pengasapan atau *fogging* yang dilakukan hanya berkesan membunuh nyamuk aedes dewasa. Jentik-jentik atau larva nyamuk aedes tidak akan mati oleh kesan pengasapan, oleh itu orang

awam adalah diminta mengambil bahagian yang aktif untuk memeriksa dan memusnahkan semua tempat pembiakan nyamuk aedes di dalam dan di luar rumah. Aktiviti ini hanya perlu dilakukan sekali seminggu dan ia mudah dan hanya memerlukan masa lebih kurang 10 minit sahaja. Dalam masa 2 minggu yang lepas kempen ini telah pun dihebahkan melalui media elektronik (radio/tv) dan surat khabar dalam pelbagai bahasa dan saya berharap orang ramai akan bersama-sama mengambil tindakan menghapuskan tempat pembiakan nyamuk di dalam dan luar kawasan rumah sekali setiap minggu secara berterusan. Untuk makluman kempen menghapuskan pembiakan nyamuk aedes ini telah melibatkan perbelanjaan sebanyak RM1.7juta.

Musim hujan yang sedang berlaku pada masa ini serta kurangnya penjagaan kebersihan persekitaran telah mempermudah kewujudan tempat pembiakan nyamuk aedes. Dengan kadar pembiakan nyamuk aedes yang tinggi serta densiti penduduk yang tinggi telah menyebabkan bilangan kes yang tinggi. Selain daripada tanggungjawab menjaga kebersihan dalam rumah, anggota masyarakat juga digalakkan mengadakan gotong-royong membersihkan kawasan perumahan mereka secara regular. Adalah didapati lokaliti atau taman-taman yang mengadakan gotong-royong membersihkan kawasan mereka serta memeriksa dan memusnahkan tempat pembiakan aedes secara rutin seperti yang diamalkan dalam Program COMBI (*Communication For Behavioural Impact*) telah berjaya menurunkan kes denggi sebanyak 84%. Pada masa ini terdapat seramai 11,892 sukarelawan COMBI di 598 lokaliti di seluruh negara. Ketua masyarakat adalah digalakkan untuk mengambil inisiatif mengaktifkan program ini di kawasan mereka dan Pejabat Kesihatan Daerah terdekat sedia membantu mereka.

Kematian akibat denggi boleh dielakkan dengan mendapatkan rawatan segera di Klinik Kerajaan atau swasta yang berdekatan. Pada masa ini didapati hanya 34% sahaja pesakit denggi mendapatkan rawatan dalam tempoh 3 hari selepas bermula demam. Rawatan awal juga dapat memastikan kes dapat dikesan awal, dan melalui notifikasi oleh doktor yang merawat kes, memastikan aktiviti kawalan terutamanya *fogging* dapat dilakukan dengan segera. Pada masa ini kurang daripada 20% kes denggi kediaman mereka dapat di *fogging* dalam tempoh 5 hari selepas mula demam.

Para doktor sama-ada di hospital kerajaan atau swasta adalah diminta untuk menggunakan garis panduan amalan klinikal (CPG-*Clinical Practice Guidelines*) edisi kedua yang telah dilancarkan pada 12 Januari 2009. Salinan CPG ini boleh didapati di laman web KKM. Menerusi pengurusan pesakit yang baik termasuk susulan di rumah,

komplikasi jangkitan denggi dapat dikesan awal dan rawatan yang sempurna dapat diberikan bagi mengurangkan kematian.

Langkah pencegahan dan kawalan denggi yang berkesan memerlukan penglibatan dan penyertaan semua pihak termasuk orang awam dan ketua masyarakat. Saranan saya adalah seperti berikut:

1. Pengarah Kesihatan Negeri diminta menyelaras pelaksanaan aktiviti pencegahan dan kawalan denggi yang berkesan di peringkat negeri melalui tindakan proaktif dengan pihak kerajaan negeri, kerajaan tempatan dan badan NGO.
2. Penglibatan dan penyertaan masyarakat dalam aktiviti kawalan dan pencegahan denggi perlu dipertingkatkan lagi melalui Kempen Kesedaran Denggi yang perlu dilaksanakan di peringkat negeri dan daerah. Kempen memperuntukkan masa selama 10 minit seminggu ini meminta tiap pemilik premis memeriksa dan menghapuskan tempat pembiakan aedes di kawasan kediaman masing-masing, adalah mudah dan perlu dipergiatkan dengan segera di peringkat negeri dan daerah. Kempen kesedaran ini perlu juga diperluaskan kepada sekolah dan agensi swasta.
3. Orang awam yang mensyaki dijangkiti denggi hendaklah segera mendapatkan rawatan di klinik kerajaan atau swasta yang berdekatan. Langkah rawatan awal ini akan mempermudah pengesanan kes dan seterusnya pelaksanaan aktiviti kawalan dan pencegahan denggi yang berkesan.
4. Bagi mempermudah penglibatan orang awam dalam aktiviti pemusnahan jentik-jentik nyamuk aedes, edaran bahan pembunuh jentik-jentik diperluaskan sehingga ke Klinik Kesihatan, untuk mempermudah anggota masyarakat memperolehnya secara percuma daripada Klinik Kesihatan berdekatan.

Tarikh: 19 Januari 2009.

**JUMLAH KES DENGGI YANG DILAPORKAN  
PADA TAHUN 2009 MENGIKUT NEGERI.**

Bil	Negeri	Bilangan Kes 2009			Bilangan Kes 2008 dalam Tempoh yang sama
		Minggu 1 (4-10Jan09)	Minggu 2 (11-17Jan09)	Jumlah (4-17Jan09)	
1	Selangor	875(2)	852(2)	1,727(4)	525
2	WP KL-Putrajaya	145(1)	162	307(1)	183
3	Perak	112	145(1)	257(1)	154
4	Penang	99	76	175	74
5	Johor	84(1)	88(1)	172(2)	107(2)
6	Sarawak	59	44	107	54
7	Kedah	54	42	96	45
8	Kelantan	45	39	84	82(1)
9	Pahang	44	36	80	77
10	Terengganu	40	27	67	88
11	Negeri Sembilan	33	30	63	39
12	Sabah	26	17	43	49
13	Melaka	12	19	31	24
14	Perlis	5	1	6	13
15	WP Labuan	0	0	0	0
	<b>Malaysia</b>	<b>1,633(4)</b>	<b>1,578(4)</b>	<b>3,211(8)</b>	<b>1,514(4)</b>

Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan,  
Bahagian Kawalan Penyakit,  
Kementerian Kesihatan Malaysia.

18 Januari 2009.

**JUMLAH KES CHIKUNGUNYA YANG DILAPORKAN  
PADA TAHUN 2009 MENGIKUT NEGERI.**

Bil	Negeri	Bilangan Kes 2009			Jumlah Kes bagi tahun 2008
		Minggu 1 (4-10Jan09)	Minggu 2 (11-17Jan09)	Jumlah (4-17Jan09)	
1	Selangor	44	48	92	353
2	Kelantan	28	47	75	135
3	Perak	32	28	60	590
4	Johor	11	23	34	1,846
5	Kedah	15	11	26	181
6	Pahang	14	12	26	341
7	Pulau Pinang	4	21	25	6
8	WP KL-Putrajaya	4	12	16	27
9	Negeri Sembilan	6	2	8	176
10	Perlis	1	1	2	3
11	Melaka	0	0	0	606
12	Terengganu	0	0	0	4
13	Sarawak	0	0	0	3
14	Sabah	0	0	0	0
15	WP Labuan	0	0	0	0
	<b>MALAYSIA</b>	<b>159</b>	<b>205</b>	<b>364</b>	<b>4,271</b>

Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan,  
Bahagian Kawalan Penyakit,  
Kementerian Kesihatan Malaysia.

18 Januari 2009.